# UNIVERSITI KUALA LUMPUR (570132-T)

(Milik Penuh Majlis Amanah Rakyat)

# KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor/Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kelas yang berkaitan bagi kerja berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | HARGA DOKUMEN | TEMPAT, TARIKH & TEMPOH DOKUMEN DIJUAL | SYARAT PENDAFTARAN | TARIKH/TEMPAT/ MASA TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK (TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK ADALAH WAJIB) | TARIKH TENDER DITUTUP |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tajuk Kerja:**<br>Cadangan Membekal Mesin Fotostat Jenis *'Mid-Volume'* Dan *'High-Volume'* Secara Sewaan Untuk Kegunaan Universiti Kuala Lumpur (Tingkat 3, 15, 17, 22, 26, 27, 28 & 30) Bagi Tempoh Lima (5) Tahun.<br>**No. Tender:**<br>**UNIKL/CHAN/T/B/2016/004** | **RM265.00**<br>(Termasuk GST)<br>(Tidak akan dikembalikan) | **Dokumen Tender boleh diperolehi/dijual selepas taklimat/lawatan tapak di:**<br>**Tempat:**<br>Kaunter Tingkat 28, Universiti Kuala Lumpur, Bahagian Perolehan, 1016, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.<br>Pada waktu-waktu pejabat seperti berikut:<br>**Tarikh:**<br>14 September 2016 sehingga 3 Oktober 2016<br>**ISNIN-KHAMIS**<br>9.00 Pagi - 12.45 T/hari<br>2.30 Petang - 4.45 Petang<br>**JUMAAT**<br>9.00 Pagi - 12.00 T/hari<br>2.45 Petang - 4.45 Petang | Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia<br>**Kod Bidang: 221502**<br>(Perkhidmatan Penyewaan dan Pengurusan Mesin Pejabat) | **Tarikh : 14 September 2016**<br>**Masa : 10.30 pagi**<br>Tingkat 23, Universiti Kuala Lumpur, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur. | **7 Oktober 2016 Sebelum 12.00 t/hari** |

2. Kehadiran ke sesi taklimat/lawatan tapak adalah **WAJIB**. Sila bawa Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan/Sijil Taraf Bumiputera bagi mengesahkan kehadiran ke sesi taklimat tender.
3. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
   **i) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
   **ii) SIJIL PENDAFTARAN GST DI BAWAH AKTA CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN**
4. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF** atas nama **UNIVERSITI TEKNIKAL MARA SDN. BHD. Wang ini tidak dikembalikan. Satu (1) Kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**
5. Tarikh akhir pembelian tender adalah pada **3 Oktober 2016.**
6. **Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Tender di atas adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor/Pembekal.**
7. **UniKL** berhak mempersetujui nilai tender sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan tender.
8. **UniKL** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. UniKL berhak untuk membatal atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
9. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Tender dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti alamat di bawah:

**TIMBALAN PENGURUS BESAR**
**BAHAGIAN PEROLEHAN**
**TINGKAT 30, UNIVERSITI KUALA LUMPUR**
**1016, JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR**
**Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari.**

10. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima.

20cm x 3col - BH